

TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA
SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN SKIM PERANTISAN NASIONAL(SPN)
22 JULAI 2020 (9.00 PAGI)
DEWAN SERBAGUNA MENARA KBS PUTRAJAYA.

Assalamualaikum wbt, salam sejahtera dan selamat pagi

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Belia dan Sukan di atas undangan untuk bersama-sama dalam Majlis Pelancaran Skim Perantisan Nasional. Saya difahamkan program ini dinamakan sedemikian kerana pihak KBS ingin menjadi agensi yang melihat secara keseluruhan program-program perantisan belia yang ditawarkan oleh lain-lain agensi.
2. Untuk makluman YB Menteri Belia & Sukan dan YB Menteri Sumber Manusia, program perantisan memang sedia ada dilaksanakan oleh agensi di bawah KKR, iaitu di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau dikenali sebagai CIDB. Kementerian Kerja Raya menyambut baik hasrat murni ini dan berharap agar program ini dikongsi dan diselaraskan bersama-sama.
3. Adalah, diharapkan program perantisan ini akan dapat memenuhi ekspektasi pelbagai pemegang taruh. Saya yakin

perantis akan mampu memperoleh kemahiran ; syarikat dan industri pula memperoleh pekerja yang berkemahiran tinggi ; manakala kerajaan sendiri dapat membantu penggiat industri dalam menyediakan pekerjaan kepada belia tempatan.

KESAN PANDEMIK COVID-19

Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,

4. Kesan semasa dan selepas penularan pandemik COVID-19 tidak boleh dipandang mudah. Sepertimana, kita sedia maklum, kerajaan telah mengumumkan pakej-pakej bantuan kepada rakyat dan pemegang taruh yang terkesan akibat Pandemik COVID-19 ini.
5. Baru-baru ini iaitu pada 11 Julai 2020 satu kenyataan media daripada Kementerian Kerja Raya telah dikeluarkan. Kenyataan ini adalah bagi memaklumkan bahawa kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM70 juta bagi mempertingkatkan lagi industri pembinaan.
6. Ini selari dengan hasrat kementerian pada hari ini untuk turut bekerjasama dalam program Skim Perantisan Nasional. Bagi tujuan ini, CIDB berhasrat memberi peluang kepada 7,800 belia tempatan untuk ditempatkan dan dilatih di syarikat-syarikat pembinaan. Dengan cara ini para belia akan memperolehi pengalaman bekerja di sektor pembinaan secara *hands-on*.

7. Program perantisan yang dilaksanakan oleh CIDB ini merupakan sebahagian daripada program-program yang telah mula dilaksanakan tahun ini untuk dimanfaatkan oleh 30,000 penggiat industri dari kalangan kontraktor, personel binaan dan belia khususnya dalam pelbagai bidang kemahiran, penyeliaan, pengurusan dan penggunaan teknologi di dalam pembinaan.
8. Selain itu, CIDB turut melaksanakan beberapa inisiatif bagi mempergiatkan penggunaan teknologi dikalangan kontraktor.
9. CIDB juga memperkenalkan program bagi membantu kontraktor yang berminat untuk menceburi bidang pengeluaran komponen Sistem Binaan Berindustri (IBS). Selain itu, CIDB turut memainkan peranan dalam memudahkan kontraktor tempatan untuk beralih dari sistem konvensional kepada IBS. Ia juga menyediakan subsidi pembelian perisian Building Information Modelling (BIM) bagi meningkatkan penggunaannya di Malaysia.

Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,

10. Saya melihat kerjasama yang terjalin diantara KKR, KBS dan KSM sudah tentunya tidak terhad kepada program Skim Perantisan Nasional ini sahaja. Saya yakin, banyak lagi

inisiatif dan program yang boleh dijalankan secara bersama bagi mempertingkatkan peluang pekerjaan di kalangan golongan belia.

11. . Saya yakin belia di luar sana menunggu-nunggu peluang seperti ini. Inilah masanya kita berganding bahu mempromosikan maklumat ini untuk diuar-uarkan bersama bagi kepentingan semua pemegang taruh yang ada.

12. Saya berharap apa yang saya kongsiikan pada hari ini boleh kita sama-sama selaraskan. Saya juga berdoa semoga hasrat murni kita ini boleh dilaksanakan dengan jayanya dan memberi manfaat kepada negara secara keseluruhannya.

Sekian, Wabillahitauik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh